



■ MOHD FAUZI AZIZ

Pesilat kita sedia cabar Indonesia

PESILAT-pesilat negara telah bersedia untuk memberi tentangan terbaik mereka, terutama terhadap peserta Indonesia di Stadium Negara pada 2-9 Disember ini. **B. Harian (M)**

"Mereka kini berazam mencatat kejayaan lebih cemerlang daripada kejohanan yang sama di Vienna tahun lalu," kata ketua jurulatih skuad silat negara, Mohd Sani Morni.

Tiga puluh pesilat negara, termasuk sepuluh wanita, mempunyai kira-kira seminggu untuk memperbaiki segala kelemahan, tetapi latihan berterusan sejak pulang dari Jakarta, September lalu, membuat beliau yakin pencapaian kali ini lebih baik daripada Sukan SEA Jakarta.

"Kejayaan lima peserta negara ke perlawanan akhir di Jakarta dua bulan lalu itu membuat kami berazam untuk memberi tentangan hebat, terutama kepada Indonesia," ujarnya.

Menurut Mohd Sani, semua pesilat bersedia, terutama 15 peserta yang bertanding dalam Sukan SEA baru-baru ini.

"Hanya mereka yang tidak berpeluang ke Sukan SEA mempunyai kekurangan sedikit.

"Biarpun begitu, dengan bantuan terutama daripada pemenang pingat emas, Mohd Rafie Yaacob dan Ahmad Khusairi Ibrahim, pesilat-pesilat itu dapat membaiki kelemahan dan kekurangan mereka," katanya.

24 NOV 1987

TIDAK BOLEH PANDANG REMEH

Eropah boleh memmeranjatkan

24 NOV 1987

Oleh JAMHARIAH JAAFAR

PENYERTAAN negara-negara Eropah dalam Kejuaraan Silat Sedunia, di Stadium Negara pada 2-9 Disember ini, tidak boleh dipandang remeh oleh pesilat-pesilat Melayu, kerana mereka mungkin mencatat keputusan memmeranjatkan.

Ketua jurulatih skuad silat negara, Mohd Sani Morni, berkata pesilat-pesilat Eropah seperti Jerman Barat, Belanda dan beberapa lagi, menggunakan khidmat jurulatih Indonesia yang berwibawa.

"Walaupun peserta-peserta Eropah, mempunyai kelebihan di segi

bentuk badan, mereka tidak begitu terdedah kepada pengalaman seperti ahli-ahli silat negara ini.

"Kelebihan kita adalah di segi pengalaman dan pendedahan yang lebih kepada dunia persilatan. Kebanyakan pesilat negara menguasai seni silat sejak kecil lagi," kata Mohd Sani. **B. Harian (M)**

Beliau memberitahu, kekuatan pesilat-pesilat negara terletak kepada daya kepantasan dan kecekapan menggunakan segala teknik serta taktik persilatan untuk menewaskan lawan bertubuh lebih besar yang agak kurang pengalaman itu.

"Yang paling penting ialah kita akan bertanding di tempat sendiri, dan pesilat-pesilat negara tidak perlu gentar dengan bentuk badan peserta-peserta Eropah," katanya.

Sementara itu, 18 negara yang kebanyakannya dari Eropah, mengesahkan penyertaan mereka.

Negara-negara itu ialah Australia, Austria, Belanda, Belgium, Great Britain, Sepanyol, Turki, Surinam, Jerman Barat, Perancis, Brunei Darussalam, Indonesia, Singapura, Filipina, Tanzania, Amerika Syarikat, Yugoslavia dan Malaysia.